



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, Blok E10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 34/2013 (18 hingga 24 Ogos 2013)**

'Kes denggi tertinggi tahun 2013'

Kejadian kes demam denggi tertinggi dilaporkan pada minggu ke 34 di seluruh Malaysia iaitu 824 kes, meningkat 134 kes (19%) berbanding 690 kes pada minggu lepas. Negeri-negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 82 kes (23%), 24 kes di Johor (28%), 17 kes di Kelantan (90%), 15 kes di Melaka (83%), 7 kes di Pulau Pinang (39%), 6 kes di Terengganu (27%), 6 kes di Kedah (38%), 5 kes di Sabah (83%), 4 kes di Perak (16%), 2 kes di Pahang (20%) dan masing-masing 1 kes di Wilayah Persekutuan Labuan (100%) dan Perlis (50%). Kumulatif kes denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga kini, adalah sebanyak 18,099 kes, meningkat sebanyak 24% atau 3,557 kes berbanding 14,542 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012 (Lampiran A).

Pada minggu lepas, sejumlah 164 lokaliti wabak denggi dilaporkan berlaku di 9 negeri iaitu 108 lokaliti di Selangor, 32 lokaliti di Johor, 10 lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, masing-masing 3 lokaliti di Sarawak, Melaka dan Terengganu, masing-masing 2 lokaliti di Perak dan Negeri Sembilan serta 1 lokaliti di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut terdapat 8 lokaliti *hotspot* dilaporkan kesemuanya berlaku di daerah Petaling,

Selangor. Lokaliti tersebut adalah di Apartment Perdana Seksyen 13 (melaporkan 12 kes dan 46 hari berwabak), Flat A (Blok 1 – Blok 12 dan Blok 38 – Blok 43) Seksyen 7 Shah Alam (melaporkan 15 kes dan 48 hari berwabak), Flat C (Blok 44 - Blok 51) Seksyen 7 Shah Alam (melaporkan 18 kes dan 41 hari berwabak), PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A,B,C,D) (melaporkan 74 kes dan 69 hari berwabak), PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E, F dan G) (melaporkan 29 kes dan 69 hari berwabak), PJU 1A Apartment Sri Ara (melaporkan 7 kes dan 43 hari berwabak), PJU 8 Apt. Flora Damansara 1 (Blok A,B) (melaporkan 16 kes dan 40 hari berwabak) dan Taman Bukit Kinrara 1 (Pangsapuri Melor) (melaporkan 5 kes dan 38 hari berwabak). Sehingga kini kumulatif kes yang dilaporkan di lokaliti-lokaliti *hotspot* ini adalah 176 kes meningkat 16 kes berbanding minggu sebelumnya (Lampiran B).

Pada minggu ke 33 juga terdapat satu kematian dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat Denggi sehingga kini 35 kematian, berbanding 26 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2012, meningkat sebanyak 9 kematian (35%). Kes kematian melibatkan seorang perempuan berusia 47 tahun, berasal dari Melaka dan mempunyai sejarah penyakit tekanan darah tinggi. Pesakit mula mengalami demam, muntah, sakit kepala dan cirit-birit, telah mendapatkan rawatan di klinik dan terus dirujuk ke hospital sebelum dimasukkan ke wad perubatan pada hari yang sama. Beliau telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan meninggal dunia setelah 2 hari dirawat dengan sebab kematian "*Dengue Shock Syndrome*". Hasil Pemeriksaan Pembiakan Aedes (PPA) yang dijalankan mendapati Aedes Indeks adalah tinggi iaitu 3.5%.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau lokaliti-lokaliti berwabak ini dan mobilisasi masyarakat perlu digerakkan di kawasan ini untuk menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan agar tempat-tempat pembiakan Aedes dapat dihapuskan dan rantaian jangkitan dapat diputuskan. Tindakan bersepadu daripada masyarakat di lokaliti berwabak ini adalah perlu bagi mengelakkan lokaliti ini daripada terus menjadi kawasan bermasalah denggi. Masyarakat harus menjadikan kesihatan sebagai keutamaan dalam kehidupan mereka dan mengamalkan gaya hidup sihat serta memastikan persekitaran anda bersih dan tiada pembiakan Aedes. KKM juga menyeru supaya masyarakat mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh KKM. Jika "Tidak Peduli, Maut Menanti".

B/r


TO' PUAN DR. SAFURAH BT. JAAFAR
(MMC 24123)
bp. TKPK (KA)

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

26 Ogos 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 34/2013
(18 hingga 24 Ogos 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 34/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 34/2012
		Minggu 33 (18 – 24 Ogos 2013)	Minggu 33 (11 – 17 Ogos 2013)		
1	Perlis	3	2	153 (1)	129
2	Kedah	22	16	562 (1)	577 (3)
3	P. Pinang	25	18	482 (2)	551 (1)
4	Perak	29	25	1,151	1,043 (4)
5	Selangor	447	365 (1)	8,258 (10)	6,399 (11)
6	WPKL & Putrajaya	34	55	1,397 (6)	1,306 (3)
7	N. Sembilan	10	25	405	329 (1)
8	Melaka	33 (1)	18	372 (2)	350
9	Johor	111	87	2,465 (9)	1,099 (1)
10	Pahang	12	10	366	441 (1)
11	Terengganu	28	22	242	533
12	Kelantan	36	19	875 (1)	775
13	Sarawak	22	22	934 (2)	673
14	Sabah	11	6	429 (1)	329 (1)
15	WP Labuan	1	0	8	8
	Jumlah	824 (1)	690 (1)	18,099 (35)	14,542 (26)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI "HOTSPOT" DILAPORKAN
PADA MINGGU 34 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	12	45	1.6%
2	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	15	47	3.6%
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	18	41	1.9%
4	Selangor	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	74	68	0.8%
5	Selangor	Petaling	PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G)	29	68	0.4%
6	Selangor	Petaling	PJU 1A Apartment Sri Ara	7	43	1.8%
7	Selangor	Petaling	PJU 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A ,B)	16	40	1.2%
8	Selangor	Petaling	Taman Bukit Kinrara 1 (Pangsapuri Melor)	5	38	0%
9	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	12	45	1.6%